

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (56) dlm. KKM-82/2/6

28 hb Jun, 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sabah/Sarawak.

Semua Pengarah Yayasan Persekutuan.


SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 10/1986

Garis Panduan Post Mortem Mayat Orang Islam

Bersama ini disertakan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh
Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Sila tentukan
garis panduan ini dipatuhi.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: Ketua Setiausaha.

Semua Pengarah Bahagian.

GARIS PANDUAN: POST MORTEM MAYAT

1. LATAH BELAKANG:

Banyak sungutan yang telah diterima dari orang ramai mengenai masalah pengendalian amalan Post Mortem mayat yang kurang memuaskan. Berdasarkan kepada sungutan-sungutan tersebut, maka Bahagian Hal Ehwal Islam telah menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi mengkaji perkara ini, yang mana ahlinya terdiri daripada pehak-pehak yang berikut;

- i. Kementerian Kesihatan
- ii. Jabatan Peguam Negara
- iii. Jabatan Polis Negara
- iv. Jabatan Bomba
- v. Seorang ahli Parlimen
- vi. Seorang pakar rujuk Islam.

2. LANGKAH-LANGKAH TINDAKAN:


Setelah beberapa kali mesyuarat Jawatankuasa diadakan, maka didapati bahawa demi masalah umum masyarakat dan negara Malaysia, maka amalan Post Mortem ke atas mayat tidak dapat dielakkan secara mutlak. Oleh itu dalam kes yang tertentu Post Mortem mayat perlu dilakukan.

3. GARIS PANDUAN:

Memandangkan bahawa kelambatan pengurusan mayat boleh menimbulkan implikasi yang buruk, maka tindakan tegas perlulah diambil mencrusi garis panduan seperti berikut;

- i. Urusan pemeriksaan Post Mortem mayat hendaklah diberi perhatian yang sangat berat oleh pihak polis sesuai dengan peruntukan Seksyen 330 Kanun Acara Jenayah.
- ii. Pihak Kementerian Kesihatan/pentadbiran hospital mestilah memberikan keutamaan dalam urusan Post Mortem mayat supaya dapat disegerakan pengkebumian jenazah tersebut.
- iii. Ketua-Ketua Jabatan yang berkenaan, Jabatan Polis dan Hospital berkewajipan mengawasi pelaksanaan garis panduan ini.
- iv. Pakar pembedahan hendaklah menyegerakan pembedahan jika didapati perlu, supaya urusan pengendalian mayat dapat dijalankan segera.
- v. Pembedahan yang dilakukan hendaklah pada badan atau tempat yang ada kaitan dengan sebab-sebab kematian sahaja.
- vi. Segala organ tubuh hendaklah seboleh-bolehnya dikembalikan dan dikebumikan bersama mayat.
- vii. Jahitan ke atas tempat pembedahan hendaklah dilakukan dengan cermat.
- viii. Carta Pelaksanaan.

Carta Pelaksanaan garis panduan ini adalah seperti berikut;





جباتن فردان منتری
(بهاکین حال احوال اسلام)

JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL ISLAM
PUSAT ISLAM MALAYSIA
JALAN PERDANA
50480 KUALA LUMPUR.

Tel: 2749333-30 line

Bilangan Surat Tuan:

Bilangan Surat Kami: JPM(U)S:4229/1

Tarikh: 17 Syawal, 1406.
25 Jun, 1986.

Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan,

Tuan,

Per: Garis Panduan Post Mortem Mayat Orang Islam
=====


Adalah saya diarah dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan sukacita memaklumkan bahawa sebagai hasil rumusan dari mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa yang telah diadakan dan pandangan yang diberikan, maka satu garis panduan seperti yang tersebut di atas telah dapat dihasilkan.

....
2. Bersama ini disertakan garis panduan tersebut untuk makluman dan tindakan pehak Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan dimana yang berkenaan dan diharap juga sudi apalah kiranya dapat dihebahkan maklumat ini kepada pehak-pehak yang terlibat di bawah Jabatan Y.Bhg. Tan Sri/Dato'/Tuan.

3. Bahagian ini sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kerjasama yang diberikan untuk menjayakan dalam menghasilkan garis panduan ini. Mudah-mudahan Allah memberkati dan memberi taufiq dan hidayah kepada kita semua.

Sekian terima kasih, Wassalam.

Saya yang menurut perintah,


(HJ. MOHD. SHAMIR HJ. ABDULLAH)
Bahagian Hal Ehwal Islam
b/p Ketua Setiausaha Negara.

HMSHA/nor.

Kepada:

1. Y.Bhg. Tan Sri Hanif bin Omar,
Ketua Polis Negara,
Ibu Pejabat Polis Di Raja Malaysia,
Bukit Aman,
50480 KUALA LUMPUR.
2. Y.Bhg. Tan Sri Abu Talib bin Othman,
Peguam Negara,
Jabatan Peguam Negara,
Bangunan Bank Rakyat,
50512 KUALA LUMPUR.
3. Y.Bhg. Dato' Dr. Esaddin bin Mohamad,
Timbalan Ketua Pengarah,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50480 KUALA LUMPUR.
4. Tuan Hj. Badarudin bin Hj. Mat Isa,
Ketua Pengarah Bomba,
Ibu Pejabat Bomba Malaysia,
Jalan Maharajalela,
50150 KUALA LUMPUR.
5. Yang Berhormat,
Encik Mohd. Idris bin Mohd. Basri,
Ahli Parlimen Setapak,
d/a Wisma Dato' Dagang,
Jalan Raja Alang,
Kampung Baru,
50300 KUALA LUMPUR.
6. Y.Bhg. Dato' Abdul Kader bin Talip,
Bahagian Hal Ehwal Islam,
Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Islam Malaysia,
50480 KUALA LUMPUR.

s.k

1. YB. Senator Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor,
Pengerusi Jawatankuasa Mengkaji Amalan "Post Mortem",
Timbalan Menteri,
di Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Islam Malaysia,
Jalan Perdana,
50480 KUALA LUMPUR.
2. Ketua Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Islam,
Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Islam Malaysia.